

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-23 AMP

AMP lantik dua pengarah baru

Doktor dan peguam boleh berkhidmat di Lembaga Pengarah bagi tempoh dua tahun



ENCIK ZHULKARNAIN ABDUL RAHIM: Ahli Lembaga Pengarah DPPMS dan ahli Jawatankuasa Amalan Undang-Undang Muslim, Persatuan Guaman .

1/2

9 Dec 2014

Berita Harian

SEORANG doctor dan seorang peguam telah dilantik sebagai anggota baru lembaga pengarah Angkatan Karyawan Islam (AMP) selepas mesyuarat agung tahunan ke-23 badan itu semalam.

Dr Md Badrun Nafis Saion, 39 tahun, pendaftar kanan di Unit Pergigian Pediatrik Pusat Pergigian Nasional Singapura (NDCS), dan ahli jawatankuasa sumber manusia AMP.

Encik Zhulkarnain Abdul Rahim, 34 tahun, pula rakan kongsi di firma guaman Rodyk & Davidson LLP, dan ahli jawatankuasa kewangan dan pelaburan badan itu.

Sebagai pengarah tambahan, mereka boleh berkhidmat di lembaga itu bagi tempoh maksimum dua tahun, menurut AMP dalam satu kenyataan semalan.

Dr Md Badrun berkelulusan dari Universiti Nasional Singapura (NUS) dengan ijazah sarjana muda pembedahan pergigian pada 2000.

Beliau pernah berkhidmat sebagai pegawai pergigian di NDCS, Lembaga Penggalak Kesihatan dan poliklinik SingHealth.

Dr Md Badrun dianugerah biasiswa SingHealth luar Negara bagi mendapatkan ijazah doctor pergigian klinikal (DCD), dengan pergigian kanak-kanak sebagai bidang kepakarannya, di Universiti Melbourne, Australia.

Sekarang beliau juga ketua Perkhidmatan Pergigian Masyarakat dan membantu menyelia klinik-klinik pergigian SingHealth.

Encik Zhulkarnain juga berkelulusan dari NUS pada 2005 dan diterima masuk Bar Singapura sebagai peguam bela dan peguam cara pada 2006.

Beliau lulus sijil perbankan dan kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 2009 dan ijazah sarjana undang-undang (undang-undang islam dan kewangan) dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU) pada 2013.

Di SMU Encik Zhulkarnain diletak dalam Senarai Dekan kerana kecemerlangan akademiknya.

Selain kesundang-undang komersial dan perbankan, beliau mengendalikan kes pertikaian undang-undang keluarga dan syariah di Mahkamah Syariah dan Lembaga Rayuan Syariah di Majlis Ugama Islam Singapura (Muis).

Beliau anggota lembaga pengarah Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS) dan juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Amalan Undang-Undang Muslim di Persatuan Guaman.

Bagi kerja pro bono, beliau bertugas sebagai peguam cara dengan Biro Bantuan Guaman dan menjadi sukarelawan di klinik undang-undang di Masjid Al-Mukminin dan Majlis Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Singapura (SCWO).